



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG
(MAJLIS SUKAN NEGERI PULAU PINANG)**

KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUTHARGA : Bil. PSUKPP46/2013

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkeelayakan yang berdaftar dengan **Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah kod bidang **220302 (KAWALAN KESELAMATAN)(Perlu Lesen KDN)** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan bagi menyertai sebut harga berikut:-

**“PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI STADIUM NEGERI BATU KAWAN,
PULAU PINANG BAGI TEMPOH SATU [1] TAHUN
MULAI 1 OGOS 2013 – 31 JULAI 2014”**

2. Syarikat-syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini dikehendaki mendaftar dengan Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendaftar dengan e-Perolehan boleh mendapatkan **borang sebutharga melalui laman web ePerolehan**.

3. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh	:	11 Jun 2013 (Selasa)
Masa	:	02.30 petang
Tempat	:	Pintu Utama, Stadium Negeri Batu Kawan Batu Kawan, Pulau Pinang.
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat (Wakil Tidak Dibenarkan)

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara *online* dan dimuat turun melalui Sistem e-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang **mulai 12 Jun 2013**.

5. Dokumen tawaran sebutharga yang telah lengkap diisi, beserta profil syarikat dan maklumat pengalaman beserta salinan sijil Kementerian Kewangan dalam kod bidang yang berkaitan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta

ditandakan Tajuk Sebut Harga disebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada 19 Jun 2013** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga **Bil. PSUKPP46/2013** di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, KOMTAR, Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit.

7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Y.B. Setiausaha Kerajaan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang